

12 MAY 2002  
Najib-Umno/I  
UMNO AKAN TERUSKAN USAHA GIGIH

PEKAN, 12 Mei (Bernama) -- Umno akan teruskan usaha gigih untuk memastikan rakyat terus menyokong parti itu dan Barisan Nasional (BN), kata Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata, walaupun parti kini beryakinan tinggi kerana sokongan yang terus meningkat bagi Umno khususnya dan BN di seluruh negara, tetapi ini tidak bermakna parti itu boleh leka.

"Kita mendekati pilihan raya akan datang dengan penuh keyakinan, tetapi masih perlu berusaha gigih.

"Saya rasa kita perlu berjaga-jaga supaya tidak terlalu yakin sehingga terlupa diri dan gagal berusaha dengan bijak," kata beliau selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Bekas Tentera Malaysia cawangan Pekan, di sini, hari ini.

Akhbar hari ini melaporkan yang Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meramalkan pembangkang akan tewas teruk pada pilihan raya akan datang.

Dengan Umno semakin mantap dan mula menguasai semula kawasan-kawasan yang ia tewas, presiden parti itu berkata parti-parti pembangkang sudah pasti dalam ketakutan memandangkan nasib yang menunggu mereka.

Najib berkata, buat sekarang ini Umno bukan sahaja mendapat sokongan daripada penyokong tradisionalnya, tetapi juga daripada generasi muda dan para pegawai kerajaan.

Sementara itu Najib ketika ditanya mengenai sokongan pengundi dari negeri-negeri yang pada masa ini dikuasai parti pembangkang, beliau berkata nampak terdapat permintaan bagi angin perubahan di negeri-negeri itu.

"Jadi nampaknya kalau perubahan ini berterusan maka kita ada peluang yang baik, tetapi kita juga perlu pastikan Umno kukuh dan bersatupadu di semua peringkat," katanya.

Sementara itu ketika ditanya mengenai perkembangan mengenai penghantaran tentera Malaysia ke Palestin, Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata Malaysia masih menunggu sebarang resolusi yang ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB).

Menurut beliau, Malaysia bersedia menghantar tenteranya untuk menganggotai pasukan pengaman, tetapi ianya perlu menunggu permintaan daripada badan antarabangsa itu.

"Tetapi pendirian kita ialah, kita tak nampak keamanan boleh berlaku di kawasan itu melainkan ada tindakan tegas daripada PBB yang memerlukan sokongan semua negara besar," katanya.

-- BERNAMA

HIS PR